

265  
NO. SOALAN : ~~267~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Puan Teresa Koh Suh Sim  
[ Seputeh ]**

**SOALAN :**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) senarai pencapaian PEMANDU dan bilangan projek pelaburan yang berjaya ditarik atas usaha PEMANDU dan;
- (b) kos pengeluaran dan bilangan pegawai yang berkhidmat di bawah PEMANDU setakat 30 September 2016.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) merupakan salah satu unit di bawah Jabatan Perdana Menteri yang ditubuhkan sejak 16 September 2009. Unit PEMANDU telah diperuntukkan sebanyak 128 perjawatan.

Peranan PEMANDU telah diwartakan di bawah peranan kementerian-kementerian dan agensi-agensi dengan objektif menyelaras dan memantau pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan secara keseluruhannya memantau dan menyelia Indeks Prestasi Utama (KPI) Menteri-Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri dan Ketua-ketua Setiausaha Kementerian. PEMANDU juga menyediakan kemudahan dan sokongan bagi penyampaian NKRA (Bidang Keberhasilan Utama Negara) dan MKRA (Bidang Keberhasilan Utama Kementerian).

Sejak penubuhannya, PEMANDU telah berjaya mengenalpasti matlamat hala tuju sebenar (*'True North'*) untuk setiap NKRA dan NKEA, yang secara kolektif mewakili sasaran utama GTP dan ETP. Hala tuju yang telah disasarkan dan dipersetujui oleh kerajaan dan rakyat melalui 'Open Day' yang dilancarkan pada tahun 2010 di Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu, adalah untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

GTP terus kekal menyentuh dan mengubah kehidupan rakyat Malaysia menerusi perluasan dan penyampaian pelbagai inisiatif; disokong dengan metodologi Keberhasilan Besar yang Pantas (*Big Fast Results*). GTP juga menerajui inisiatif transformasi sosial yang penting untuk mengubah perkhidmatan awam kepada sebuah pentadbiran yang dinamik, inovatif dan berfokuskan masyarakat menerusi 7 Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) bagi menghasilkan perubahan melalui pelaksanaan program pembangunan dan sistem penyampaian perkhidmatan.

Hasilnya, inisiatif GTP telah berjaya meningkatkan taraf hidup semua lapisan masyarakat dalam kehidupan seharian mereka. Ini terbukti dengan penambahbaikan sistem pengangkutan dan peningkatan keselamatan serta akses kepada pendidikan yang berkualiti. Kerajaan juga melalui GTP komited menyediakan keperluan asas di luar bandar serta menyediakan peluang ekonomi.

Seramai 5.5 juta rakyat Malaysia yang tinggal di kawasan luar bandar kini, dapat menikmati transformasi yang membabitkan kemudahan-kemudahan seperti air, elektrik dan jaringan jalan raya melalui program GTP. Terdapat banyak lagi kejayaan yang dapat saya kongsi bersama. Yang Berhormat boleh merujuk kepada laporan tahunan Program Transformasi Negara yang dilancarkan pada 26 April 2016.

Seperti yang Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan NKEA dipantau oleh Kementerian-Kementerian yang berkaitan, yang menyelaras, memantau dan menjejaki kemajuan sektor. Untuk merealisasikan pertumbuhan yang diterajui oleh sektor swasta, setiap

NKEA menawarkan penglibatan sektor swasta dengan meneroka bidang pertumbuhan baru, dan Peluang Perniagaan (BO), yang membolehkan sektor itu lebih tinggi dalam rantai nilai melalui Projek Permulaan (EPP). Dengan itu, setiap NKEA menawarkan peluang kepada sektor swasta untuk sama-sama terlibat dan melabur dalam Projek Permulaan (EPP) yang bertujuan untuk merealisasikan pertumbuhan yang dijanjikan oleh sektor swasta. Setakat ini, 149 EPP telah diumumkan sekali gus menjadi hala tuju pembangunan industri seperti yang tercatat ketika sesi makmal pada 2010 yang diadakan antara sektor awam dengan sektor swasta. Semua EPP ini telah berulang kali mempamerkan ketahanan serta kekuatan ekonomi terutamanya ketika berlaku ketidakpastian ekonomi lewat ini.

Pada tahun 2014, PEMANDU telah diiktiraf sebagai satu daripada 20 pasukan inovasi kerajaan terbaik dan terkemuka dunia oleh Yayasan Inovasi United Kingdom, Bloomberg Philanthropies dan Nesta berdasarkan kaedah dan amalan baharu yang diperkenalkan dalam menangani pelbagai isu dalam meningkatkan pencapaian sosio-ekonomi dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Ranking ini telah membuktikan PEMANDU sebagai pemangkin prestasi, telah mencerminkan bahawa Malaysia berada pada landasan betul dalam aspirasi kita untuk mencapai status negara maju. Tambahan pula, universiti-universiti terkemuka dunia seperti Harvard Business School dan Princeton Universiti mengenalpasti proses 8 langkah transformasi daripada PEMANDU sebagai contoh amalan terbaik.

Sekian, terima kasih.

November 2016